

10 OCT 2002

MAHATHIR-ASEAN/I

PERTUMBUHAN SEPARUH PERTAMA ASIA TIMUR DARI DALAM RANTAU INI, KATA PM

PETALING JAYA, 10 Okt (Bernama) -- Bagi separuh pertama 2002 ketika ekonomi-ekonomi Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah (EU) tidak berprestasi baik, pertumbuhan bagi negara-negara Asia Timur datang daripada perdagangan di dalam rantau ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ini menunjukkan bahawa kejayaan masa depan negara-negara Asia Timur akan terpaksa bergantung kepada diri mereka sendiri," beliau berkata di dalam ucaptamanya mengenai "Belajar dari Korea - Mengekalkan Pertumbuhan dalam Persekitaran Dinamik" di sini hari ini.

Sambutan kepada Asean + 3 atau Perkumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) adalah agak dingin apabila ia kali pertama diilhamkan tetapi sekarang, tambah beliau, pasaran telah mengiktiraf saling rantaian di kalangan ekonomi-ekonomi ini.

Perdana Menteri berkata oleh itu, Asia Timur mestilah mengurangkan pergantungan eksportnya di luar rantau dan mengasaskan pertumbuhan ekonominya lebih kukuh kepada permintaan domestik dan sarantau.

Untuk merangsang permintaan serantau, pengurangan halangan-halangan kepada pergerakan lintas sempadan sumber-sumber adalah penting, dengan itu menyatukan pasaran-pasaran serantau yang telah lama berpecah.

Dr Mahathir berkata Asean + 3 (Jepun, Korea dan China) mempunyai sumber-sumber manusia yang hebat sebanyak kira-kira 1.9 bilion penduduk manakala Eropah mempunyai 590 juta dan Amerika Utara mempunyai 400 juta penduduk.

Daripada segi agihan keluaran dalam negara kasar (KDNK) global, ekonomi-ekonomi Asia Timur Laut menyumbang 20 peratus pada 1999 dan ini dijangka mencecah 30 peratus menjelang 2020.

"Ini adalah pasaran yang kita perlu libatkan," kata perdana menteri.

Sementara itu, pada persidangan akhbar kemudian, Dr Mahathir ditanya mengenai sistem tambatan matawang.

Kepada soalan itu katanya, tambatan ringgit telah kekal daripada September 1998 hingga sekarang dan tiada siap yang bersungut.

Tambatan itu adalah baik kerana ekonomi berjalan baik dan tiada terdapat urusan pasaran gelap matawang tempatan, tambah beliau. -- BERNAMA

SHO KTC OS